

**PENGETAHUAN DAN KESEDIAAN PELAJAR MENGIKUTI KURSUS
PIMK3143 SERTA KESEDARAN TERHADAP MANAFAAT
PENYELIDIKAN KEPADA PENDIDIKAN ISLAM.**

Rozita Md.Noh, PhD
IPG Kampus Pendidikan Islam
rozitamdnoh@gmail.com

Abstrak

Kursus PIMK3143 iaitu Asas Penyelidikan dalam Pendidikan merupakan kursus wajib bagi pelajar Semester 6 Institut Pendidikan Guru. Kursus ini menyediakan maklumat berkaitan proposal penyelidikan dan merupakan pelengkap penulisan laporan projek apabila para pelajar berada di Semester 8 kelak. Kajian ini bertujuan meninjau pengetahuan dan kesediaan pelajar mengikuti kursus ini serta menyedarkan mereka terhadap manfaat penyelidikan kepada Pendidikan Islam serta mempunyai pengetahuan asas yang secukupnya berkaitan penyelidikan dalam pendidikan. Kajian adalah dalam rekabentuk kualitatif dengan menggunakan satu set instrumen soalan terbuka (*open-ended questions*). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesediaan para pelajar untuk mengikuti kursus adalah baik. Para pelajar juga didapati mempunyai pengetahuan asas penyelidikan dan kesedaran yang tinggi berkaitan peranan penyelidikan terhadap Pendidikan Islam.

Kata kunci: pengetahuan, kesediaan, kesedaran, penyelidikan, Pendidikan Islam.

Abstract

The PIMK3143 course on Research in Education is a compulsory course for students of Semester 6 Teacher Education Institute. This course provides information on research proposals and a complement in their writing project report in the 8th Semester. The purposes of this study are to review the knowledge and readiness of the students in this course, to educate them on the benefits of research into Islamic Education and to have sufficient basic knowledge of research in education. The study was qualitatively designed using a set of open-ended questions. The findings of this study showed that students' readiness to take the course is good. The students were also found to have a wealth of basic research knowledge and good awareness of the role of research in Islamic Education.

Keywords: knowledge, readiness, awareness, research, Islamic Education.

Pelajar PISMP Semester 6 merupakan pelajarambilan Jun 2017 dan perlu dibekalkan dengan ilmu penyelidikan yang mantap sebagai persediaan menjalankan penyelidikan pendidikan dan membuat laporan lengkap di tahun akhir pengajian. Mereka diwajibkan mengikuti Kursus PIMK3143 iaitu Asas Penyelidikan dalam Pendidikan. Kursus wajib ini mengandungi tiga nilai kredit dengan jumlah 45 jam pembelajaran bersemuka termasuk dua jam untuk kerja kursus dan pembentangan, manakala 60 jam interaksi tidak bersemuka termasuk 21 jam untuk kerja kursus dan peperiksaan (RMK PIMK3143, kemas kini Jun 2017). Justeru, para pelajar perlu menyiapkan diri dengan pengetahuan sedia ada berkaitan penyelidikan dengan membuat persediaan bacaan yang rapi. Bacaan lebih awal akan membantu membentuk dan meningkatkan kefahaman yang baik semasa interaksi kursus. Menurut Baharom et.al. (2012) membaca akan membentuk pemahaman yang lebih berkesan dan sangat penting bagi para pelajar untuk mendapatkan maklumat, pengetahuan dan fakta tentang sesuatu perkara.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan tinjauan umum, pada tahun sebelumnya, didapati para pelajar kurang bersedia mengikuti kursus ini menyebabkan terdapat sebilangan pelajar yang tidak dapat mematuhi tarikh penghantaran kerja kursus proposal penyelidikan seperti yang ditetapkan. Hal ini kerana kurangnya kefahaman dan persediaan dalam kalangan mereka menyebabkan mereka kurang yakin untuk memilih jenis penyelidikan yang sesuai dengan permasalahan kajian yang mereka kemukakan. Kajian ini adalah untuk meninjau kesediaan, pengetahuan

sedia ada dan kesedaran para pelajar terlibat berkaitan asas penyelidikan supaya interaksi kursus yang seterusnya boleh dibuat penambahbaikan, menjadi lebih berkesan dan afektif.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk meninjau pengetahuan dan kesediaan pelajar mengikuti kursus PIMK3143 Asas Penyelidikan Dalam Pendidikan serta kesedaran mereka terhadap manfaat penyelidikan kepada Pendidikan Islam sebelum mengikuti interaksi bersemuka berdasarkan jam interaksi yang telah ditentukan.

SOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah pengetahuan sedia ada pelajar tentang penyelidikan secara umum?
2. Bagaimanakah kesediaan pelajar terhadap Kursus Asas Penyelidikan dalam Pendidikan PIMK3143?
3. Bagaimanakah kesedaran pelajar tentang faedah penyelidikan kepada Pendidikan Islam?
- 4.

TINJAUAN LITERATUR

Abdul Hamid (2004) mendefinisikan pengetahuan sebagai satu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat. Ia berasal daripada pengetahuan lampau dan pengetahuan baharu sama ada diketahui sendiri atau melalui sumber lain dan digunakan bagi mencapai matlamat yang belum terlaksana. Perkataan pengetahuan di dalam kajian ini dimaksudkan sebagai pengetahuan sedia ada di dalam diri pelajar berkaitan penyelidikan.

Menurut Bruner (1960, 1966), kesediaan belajar adalah merujuk kepada apa jua perkara yang dapat disampaikan secara berkesan kepada kanak-kanak pada mana-mana peringkat perkembangan. Hal ini adalah kerana, kesediaan belajar dapat diwujudkan melalui perkembangan individu dari segi emosi, intelek, psikomotor dan kematangan murid. Dalam konteks kajian ini kesediaan belajar merujuk kepada kesediaan para pelajar daripada segi emosi, intelek, psikomotor dan kematangan mereka untuk mengikuti kursus PIMK3143 iaitu 'kesediaan belajar' diri pelajar yang sudi menerima maklumat atau ilmu pengetahuan berkaitan kursus dengan berfikiran terbuka.

Menurut Baharom et.al (2012), kesediaan bermaksud perihal sedia, kesanggupan dan kerelaan. Dalam konteks kajian ini, kesediaan membawa maksud kerelaan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara kompeten dalam bidang latihan mengajar.

Berdasarkan dokumen Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) PIMK3143 Asas Penyelidikan dalam Pendidikan merupakan kursus yang ditawarkan bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas penyelidikan serta membekalkan pelajar dengan kemahiran merancang dan menghasilkan kertas cadangan penyelidikan dalam pendidikan. Kursus ini ditawarkan supaya pelajar dapat diberi pendedahan tentang asas penyelidikan serta kemahiran merancang dan menghasilkan kertas cadangan penyelidikan dalam pendidikan. Seterusnya, menjadi satu amalan dan sebahagian daripada tanggungjawab mereka sebagai seorang pendidik (RMK PIMK3143 IPGM, 2017).

Hiebert (2009) berpendapat bahawa untuk berubah guru perlu belajar, tetapi bukan semua guru yang mahu belajar. Beliau juga merumuskan bahawa usaha untuk meningkatkan profesionalisme guru tidak akan berjaya sekiranya guru sendiri tidak mahu berubah untuk belajar sesuatu yang baharu. Berdasarkan pendapat Hiebert, difahami bahawa para guru termasuk para pelajar bakal guru seharusnya bersedia dengan sesuatu pengetahuan

baharu untuk berjaya dalam profesion yang diceburi. Ini termasuklah ilmu pengetahuan berkaitan penyelidikan kerana penyelidikan adalah berkait rapat dengan usaha-usaha meningkatkan profesion.

Menurut Low Suet Fin, Amiruddin & Rafidah (2014), guru perlu bersedia dan mempunyai pengetahuan yang secukupnya untuk mendidik murid. Manakala menurut Mc Bee (2004), kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan apabila mereka dapat mengaplikasikan ilmu yang diperolehi daripada penyelidikan mereka dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka. Guru yang menjalankan penyelidikan tindakan juga akan lebih mengenali pelajar dan rakan sejawat mereka serta dapat menggalakkan penambahbaikan secara berterusan (Ferrance, 2000).

METODOLOGI

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan satu set instrumen soalan terbuka (*open-ended questions*) untuk mendapatkan jawapan yang pelbagai, bebas, luas dan tidak terikat kepada sesuatu pilihan ketika menjawab. Menurut Kamarul Azmi (2012) membolehkan responden menyatakan pandangan mereka dengan bebas, responden juga tidak perlu mengikuti kriteria. Selain daripada itu, responden juga dapat menyatakan jawapan yang terperinci.

Pensampelan

Peserta kajian adalah terdiri daripada 37 pelajar PISMP Semester 6 ambilan Jun 2017. Kajian dijalankan sebelum interaksi Kursus Asas Penyelidikan dalam Pendidikan, Kod PIMK3143 yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*).

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Soalan-soalan jenis *open-ended* yang dijawab oleh peserta kajian, dikumpul dan dianalisis oleh pengkaji. Setiap borang jawapan dikodkan untuk mengelakkan pengulangan semasa menganalisis data. Analisis yang teliti dibuat ke atas jawapan-jawapan yang diperolehi pada setiap bahagian soalan. Soal selidik yang diberikan terdiri daripada tiga bahagian iaitu pengetahuan sedia ada pelajar berkaitan penyelidikan, kesediaan mereka untuk mengikuti kursus PIMK3143 serta kesedaran mereka berkaitan peranan penyelidikan terhadap Pendidikan Islam.

Jawapan yang diberikan adalah berdasarkan pengetahuan masing-masing tanpa pengaruh-mempengaruhi di antara satu sama lain kerana dipantau oleh pengkaji. Pengkaji meneliti dan mengenalpasti tema-tema yang wujud daripada jawapan-jawapan yang diperolehi. Seterusnya jawapan diasingkan berdasarkan tema-tema yang wujud pada ketiga-tiga konstruk iaitu pengetahuan sedia ada tentang penyelidikan, kesediaan mengikuti kursus dan manfaat penyelidikan terhadap Pendidikan Islam.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Soalan kajian 1) Pengetahuan sedia ada pelajar berkaitan penyelidikan:

Pelajar menyatakan bahawa penyelidikan itu:

“mengkaji sesuatu perkara dengan mendalam dan terperinci”

“dibuat untuk menambahbaik hasil pembelajaran,

“dilakukan untuk menambahbaik sesuatu tindakan”

“dilakukan untuk mengetahui kelemahan yang ada”

“dilakukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan mendapatkan idea baharu”

“merupakan satu proses meneliti sesuatu perkara”

“mengumpul maklumat dan menyelesaikan sesuatu permasalahan”

“mengumpul, mengkaji dan menganalisis maklumat”

“menambah maklumat dan pengetahuan tentang sesuatu perkara”

“mengkaji punca kepada sesuatu perkara dan memikirkan jalan penyelesaian”

Berdasarkan kepada rumusan jawapan pelajar, didapati bahawa mereka mempunyai pengetahuan sedia ada yang baik berkaitan penyelidikan. Jawapan ini diperolehi daripada pelajar yang telah ada pendedahan berkaitan penyelidikan. Dapatan menunjukkan mereka dapat menyatakan perkataan-perkataan penting yang menggambarkan “penyelidikan” seperti “mengkaji”, “suatu proses mengumpul, menganalisis, menyelesaikan sesuatu perkara” dan “menambahbaik PdP atau sesuatu tindakan”.

Pelajar juga memberi respon yang berkait dengan sifat dan ciri penyelidikan dalam jawapan mereka iaitu:

“sistematik”

“mendalam”

“saintifik”

“terperinci”

“data-data daripada sumber yang betul”

“sumber yang boleh dipercayai”

“merujuk kepada sumber yang konkrit dan berautoriti”

Berdasarkan pemilihan perkataan daripada jawapan pelajar, secara tidak langsung menunjukkan pengetahuan mereka terhadap sifat dan ciri-ciri penyelidikan iaitu penyelidikan bersifat saintifik, mendalam, mempunyai data-data tertentu yang betul dan dipercayai.

Soalan kajian 2) Kesediaan mengikuti kursus:

Berikut adalah jawapan pelajar yang menunjukkan kesediaan mereka untuk mengikuti Kursus Asas Penyelidikan dalam Pendidikan:

“bersedia dan akan berusaha sedaya upaya”

“merasa bersemangat dan komited untuk mengikuti kursus ini”

“bertanya kepada senior-senior”

“merasa termotivasi untuk mempelajari kursus ini”

“bersedia untuk menerima input-input baharu”

“membaca buku-buku berkaitan penyelidikan”

“bertanyakan pengalaman senior yang telah mempelajari kursus”

“membaca contoh-contoh penyelidikan”

“telah membaca beberapa jenis contoh penyelidikan”

“mendapatkan buku-buku daripada senior”

“membaca jurnal”

“membaca sedikit sebanyak kajian untuk mendapat maklumat awal kursus”

Kebanyakan pelajar mendapatkan maklumat awal daripada para senior mereka dan termotivasi untuk mengikuti Kursus PIMK3143 ini. Selain mendapatkan maklumat daripada senior, sebahagian mereka ada yang membaca contoh-contoh penyelidikan, jurnal dan buku-buku berkaitan penyelidikan untuk mendapat maklumat awal kursus. Jawapan pelajar menunjukkan bahawa terdapat usaha yang dilakukan dalam kalangan mereka ke arah menyediakan diri untuk mempelajari kursus PIMK3143 ini.

Soalan kajian 3) Kesedaran berkaitan manfaat penyelidikan terhadap Pendidikan Islam:

“membuka minda umat Islam untuk mendalami Islam, dapat memperincikan ilmu-ilmu yang terdapat dalam Islam melalui penyelidikan serta memudahkan umat Islam memahami ilmu Islam dan dengan penyelidikan, Pendidikan Islam dapat dijadikan sebagai subjek yang menyeronokkan.”

“penyelidikan akan memberi impak dan kesan yang positif kepada pembelajaran murid.”

“berkongsi idea baharu dalam menjadikan Pendidikan Islam sebagai subjek kegemaran.”

“menyumbang inovasi dalam Pendidikan Islam selain dapat mengenalpasti masalah pembelajaran murid.”

“membantu para guru dan bakal guru supaya berfikiran kreatif dalam pengajaran serta membantu mengenalpasti punca masalah dan cara mengatasinya.”

“membantu para guru menambahbaik pengajaran dalam Pendidikan Islam.”

“memantapkan lagi kajian berkaitan Pendidikan Islam”

“memantapkan lagi kefahaman terhadap Pendidikan Islam.”

“melatih individu agar sentiasa peka terhadap isu-isu yang timbul dalam Pendidikan Islam.”

“mengelakkan daripada berlakunya salah faham berkaitan Pendidikan Islam.”

“melahirkan para penyelidik yang mahir berkaitan kajian Pendidikan Islam.”

“memudahkan sesuatu ilmu dipilih untuk diadaptasi ke dalam Pendidikan Islam.”

“dapat mengenalpasti masalah dan cara menyelesaikannya”

“membantu menaiktaraf sistem Pendidikan Islam di Malaysia”

“menambahbaik pedagogi Pendidikan Islam”

“menghasilkan idea-idea baharu dalam pengajaran Pendidikan Islam”

“memperbaiki kelemahan dalam Pendidikan Islam”

Rumusan jawapan pelajar berkaitan manfaat penyelidikan terhadap Pendidikan Islam menunjukkan jawapan yang agak menyeluruh. Pelajar menyedari manfaat penyelidikan terhadap Pendidikan Islam yang dapat menjadikan Pendidikan Islam sebagai subjek yang menyeronokkan murid, memberi impak positif dalam proses pembelajaran sehinggalah kepada kesedaran mereka bahawa penyelidikan dapat menghasilkan inovasi yang akan memajukan Pendidikan Islam.

Menurut Abd Rahim (2016) penyelidikan adalah tugas setiap individu muslim dan fakta bahawa kekuatan dan kemajuan sebuah negara terletak kepada kemajuan dan pencapaian penyelidikannya maka seharusnya negara-negara Islam menjadikan penyelidikan sebagai satu agenda utama negara. Negara-negara Islam hendaklah memberikan sepenuh perhatian terhadap usaha untuk membudayakan penyelidikan dalam kalangan rakyat. Kajian ini mendapati tahap kesedaran tentang manfaat penyelidikan terhadap Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar adalah tinggi dan adalah tidak mustahil dapat dibudayakan penyelidikan dalam kalangan para pelajar sepertimana yang dinyatakan oleh Abd. Rahim (2016).

CADANGAN

Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu para pensyarah yang bertanggungjawab menjalankan kursus PIMK3143 supaya memastikan para pelajar mempunyai kesediaan dan termotivasi sebelum mengikuti kursus. Para pelajar yang menyiapkan diri dengan baik, akan membolehkan mereka menimba pengetahuan berkaitan sesuatu subjek dengan berkesan.

Para pensyarah terlibat perlu menyedarkan tentang kepentingan kursus PIMK3143 Asas Penyelidikan dalam Pendidikan ini serta menyampaikan konsep yang benar dan mantap kepada para pelajar berdasarkan jenis penyelidikan yang mereka pilih agar tidak timbul masalah pada semester berikutnya dan mudah untuk menjalankan penyelidikan kelak. Penyelaras kursus boleh memaklumkan sinopsis kursus lebih awal kepada para pelajar supaya pelajar boleh bersedia lebih awal. Hal ini selari dengan pendapat Mc Bee (2004), bahawa kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan apabila mereka dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh daripada penyelidikan mereka dalam proses pembelajaran dan pengajaran mereka.

KESIMPULAN

Amalan di IPGM sehingga hari ini adalah memberikan akses sinopsis kursus kepada pelajar tetapi dalam kalangan pelajar sendiri kurang menyiapkan diri secara proaktif terhadap kursus-kursus yang bakal mereka ikuti. Justeru para pensyarah yang bertanggungjawab menjalankan interaksi kursus tersebut, boleh memberikan pencerahan lebih awal. Para mentor juga perlu memainkan peranan, mengambil berat atau cakna dengan kursus-kursus yang bakal diikuti oleh mentee di bawah jagaan mereka. Keprihatinan seperti ini perlu kerana sedikit sebanyak akan memotivasi pelajar untuk mengikuti kursus dengan bersemangat dan bersedia. Kajian ini boleh terus dijalankan dengan rekabentuk kuantitatif dan menggunakan instrumen soal selidik berkaitan persepsi pelajar terhadap kursus dan melibatkan semua pelajar pada semester berkaitan.

Rujukan

- Abd Rahim Ismail (2016). *Penyelidikan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Al Madinah International University.
- Baharom Mohamad, Mohamad Yusof Abdullah, Syukri Zain, Abdul Said Ambotang, Mohamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip. (2012). Menguasai kemahiran membaca secara berkesan. *Minda Pendidik*. B3 dan B4. *Berita Harian*. 20.02.2012.
- Bruner, J. S. (1966). *Toward a theory of instruction*, Cambridge, Mass.: Belkapp Press.
- Bruner, J. S. (1960). *The Process of education*. Cambridge, Mass.: Harvard University Press.
- Ferrance, E. (2000). Themes in Education: Action Research. *Educational Alliance*, 1-34.
- Hiebert (2009)
- Kamarul Azmi Jasmi (2012). Kertas kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Low, Suet Fin, Amiruddin Zainuddin dan Rafidah Ruhani. (2014). Standard Guru Malaysia: Tahap pengetahuan guru pelatih PISMP IPG Kampus Ilmu Khas. *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN* (Volume 31, 2014, Pages 62 to 78).
- Mc Bee, M. (2004). The Classroom as Laboratory: An exploration of teacher research. *Roeper Review*, 27, 52-58.
- Rancangan Maklumat Kursus (RMK) PIMK3143 Asas Penyelidikan dalam Pendidikan. Kemas kini Jun 2017. Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rohaida Mazlan. (2017). Tahap pengetahuan, pemahaman dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan kajian pengajaran. *Jurnal Jabatan Bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol. 7, Bil. 2 (Nov. 2017): 30-40. Kuala Lumpur. Institut Pendidikan Guru, Bahasa Melayu.

